



MOSTAR

13 HARI 11 MALAM KEMBARA BALKANS 6 NEGARA

Athens - Kalambaka - Bitola - Ohrid - Tirana - Bar - Podgorica - Budva - Kotor - Tivat - Dubrovnik - Pocitelj - Blagaj - Mostar - Sarajevo - Ahmici - Travnik - Jajce - Bihac - Plitvice Lakes - Zagreb

HARGA FIESTA

ALL-IN RM **8,990**

WARGA EMAS

ALL-IN RM **8,890**



MUSIM

Musim Bunga Mac - Mei
Musim Panas Jun - Ogos
Musim Luruh September - November
Musim Sejuk Disember - Februari



MATAWANG

Croatian Kuna 1 kn = RM0.64
Macedonia Denar 1 Ден = RM0.077
Euro 1 € = RM4.78
Albanian Lek 1 L = RM0.038
Bosnia Convertible Mark 1 Km = RM2.43



PERBEZAAN WAKTU

Croatia : - 7 JAM
Macedonia : - 7 JAM
Montenegro : - 7 JAM
Albania : - 7 JAM
Bosnia : - 7 JAM
Greece : - 6 JAM



HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
ATHENS	2	Hotel Holiday Inn / setaraf
KALAMBAKA	1	Hotel Antoniadis / setaraf
OHRID	1	Hotel Flamengo / setaraf
PODGORICA	1	Hotel Best Western / setaraf
TIVAT	1	Hotel Magnolia / setaraf
MOSTAR	1	Hotel Bristol / setaraf
SARAJEVO	2	Hotel Dubai / setaraf
BIHAC	1	Hotel Emporium / setaraf
ZAGREB	1	Hotel Aristos / setaraf



KOTOR

HARI 1

KUALA LUMPUR - DOHA - ATHENS



Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi penerbangan menuju ke Athens yang terletak di negara Greece melalui Doha. Seibanya di Lapangan Terbang Athens, tetamu akan dibawa membeli-belah di **Plakka Shopping District**. Makan tengahari di restoran sebelum tetamu dibawa berfoto di **Panathenaic Stadium** yang merupakan tempat berlangsungnya Ancient Olympic dibina pada tahun 144 M, **Old Royal Palace** yang kini digunakan sebagai tempat ahli parlimen Greece bersidang dan melihat pertukaran askar yang penuh istiadat di **Tomb of the Unknown Soldier**, sambil melepasi **Temple of Olympian Zeus** dan **Presidential Mansion**. Makan malam di restoran dan menuju ke hotel untuk istirahat.

HARI 2

ATHENS



Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan memulakan lawatan ke **Acropolis**, Acropolis of Athens adalah sebuah kubu purba yang terletak di tumpukan batu di atas kota Athens dan mengandungi sisa-sisa bangunan kuno yang mempunyai ciri seni bina dan bersejarah yang hebat, yang paling terkenal adalah **Parthenon**. Kemudian melawat **Temple of Nikki** dan seterusnya melawat ke **Erechtheion**. Selepas itu, tetamu akan dibawa berfoto di **Panathenaic Stadium** yang merupakan tempat berlangsungnya Ancient Olympic dibina pada tahun 144 M. Seterusnya, tetamu akan melawat ke **Temple of Olympian Zeus** dan **Presidential Mansion**. Tetamu akan dibawa membeli belah di **McArthurGlen Outlet** di mana tetamu berpeluang untuk membeli-belah barangan berjenama terkenal seperti Versace, Salvatore Ferragamo, Polo, Guess dan banyak lagi pada harga diskaun yang cukup lumayan. Makan tengahari dan makan malam di restoran tempatan halal.

HARI 3

ATHENS - KALAMBAKA



Selepas sarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa menuju ke daerah **Kalambaka** yang cukup terkenal dengan binaan biara di atas puncak bukit, seakan melihat Babylon. Makan tengahari seibanya di sana dan kemudian tetamu akan dibawa untuk mendekati beberapa buah biara termasuklah yang tertua dan terbesar iaitu **Great Meteoron Monastery**. Tetamu juga akan dibawa ke beberapa tempat yang cukup menarik untuk mengambil gambar pemandangan kawasan yang dipanggil Meteora ini. Kemudian tetamu diberi masa bebas untuk bersiar-siar di pekan Kalambaka dan berpeluang untuk membeli hasil tempatan terutamanya madu lebah. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

HARI 4

KALAMBAKA - BITOLA - OHRID



Bertolak memasuki negara Macedonia (FYROM) sesuai sarapan pagi di hotel. Seibanya di bandar **Bitola**, tetamu akan dibawa melawat beberapa bangunan yang bersejarah di situ terutamanya

kesan peninggalan kerajaan Uthmaniyyah seperti **Yeni Mosque** yang dibina pada tahun 1558 dengan menara setinggi 40m kini merupakan sebuah galeri seni, **Clock Tower** setinggi 30m dibina pada tahun 1830, berfoto di **Magnolia Square**, melepasi **Ataturk Museum** yang dahulunya ialah kolej tentera Uthmaniyyah dan bersolat di **Ishak Celebi Mosque** yang dibina lebih awal pada tahun 1506. Bertolak menuju ke **Ohrid** selepas makan tengahari dan melawat **Haji Turgut Mosque** yang merupakan masjid yang tertua di sini dibina pada tahun 1466, **Zeynel Abedin-Pasha Mosque** yang dibina pada abad ke-17 yang menempatkan makam Emir pertama Ohrid dan tetamu diberi masa bebas untuk menerokai **Cinar Square** dan **Old Bazaar Street**. Kemudian tetamu akan dibawa menaiki bot persendirian khas untuk menyusuri **Tasik Ohrid** yang cukup indah, yang seakan-akan sebuah lautan menuju ke hotel dan makan malam.

HARI 5

OHRID - TIRANA - BAR - PODGORICA



Sarapan pagi di hotel. Bertolak menuju ke kota **Tirana** yang merupakan ibu negara Albania, sebuah negara kecil majoriti penduduk Islam yang baru terlepas daripada cengkaman pemerintahan Komunis pada tahun 1992. Tetamu masih berpeluang untuk bersolat di **Ethem Bey Mosque** selepas makan tengahari yang dibina pada abad ke-18 namun dengan izin-Nya tidak dihancurkan oleh kerajaan Komunis. Selain itu, tetamu boleh berfoto di **Clock Tower of Tirana** yang dibina orang Turki pada tahun 1811 setinggi 35m dan melepasi **Pyramid of Tirana, National History Museum** dan juga **Skanderberg Square** yang gah dengan arca **Skanderberg Monument**. Bertolak menuju ke bandar **Bar** yang berada di dalam negara Montenegro, makan malam dan solat di **Islamic Cultural Centre** seibanya di sana. Bertolak menuju ke **Podgorica** dan daftar masuk hotel.

HARI 6

PODGORICA - BUDVA - KOTOR - TIVAT



Selepas bersarapan pagi di hotel, menuju ke kota **Budva** untuk melawat tarikan-tarikan yang terdapat di dalam **Old Town Budva** yang terletak di tepi Laut Adriatic dibina pada zaman Venetians seperti **Citadel** yang kini digunakan sebagai teater, **Church of St. Ivan** dan menikmati pemandangan indah menghadap ke arah Pulau St. Nikola. Seterusnya tetamu pula akan dibawa melawat ke sebuah kota yang cukup indah namun kedengaran tidak sesuai dengan namanya, Kotor yang merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Tetamu akan dibawa melihat monument-monumen bersejarah di dalam **Old Town Kotor** seperti **Cathedral of St. Triphon** yang dibina pada 1166, **Pima Palace** yang dibina pada abad ke-17, **Sea Gate of 1555, Watch Tower, Square of Arms** dan **Pillar of Shame**. Perjalanan akan diteruskan ke Tivat sebelum makan malam di restoran dan menuju ke hotel penginapan.

HARI 7

TIVAT - DUBROVNIK - POCITELJ - BLAGAJ - MOSTAR



Sarapan pagi di hotel. Bertolak ke **Dubrovnik** yang terletak di dalam negara Croatia. Seibanya di sana, tetamu akan dibawa untuk mengambil

gambar pemandangan panorama **Old Town Dubrovnik** yang cukup mempersonakan sambil menunggu matahari terbenam di penghujung Lautan Adriatik. Faktor keindahan inilah yang menyebabkan Dubrovnik digelar "Pearl of the Adriatic" oleh para pelancong. Lawatan pada hari ini diteruskan dengan menyusuri Old Town Dubrovnik untuk melihat tarikan pelancongan di situ seperti **Rector's Palace** yang pernah menjadi istana pemerintahan kota ini antara abad ke-14 hingga 18, **Franciscan Church and Monastery** yang dibina pada tahun 1360 namun telah beberapa kali musnah dek bencana, **Museum of Croatian War of Independence**, **Sponza Palace**, **Clock Tower** dan **Orlando's Column** yang menggambarkan pahlawan Dubrovnik abad ke-8 yang terletak di **Luza Square Stradun**. Makan tengahari di restoran dan kemudian bertolak memasuki negara Bosnia and Herzegovina dengan perlawatannya melawat **Pocitelj**, sebuah perkampungan yang dahulunya pernah menjadi medan pertahanan kerajaan Uthmaniyyah yang mana kesan tinggalan yang masih boleh dilihat ialah **Ali Pasha Mosque** dan Citadel yang terletak di atas **Hill of Pocitelj**. Seterusnya tetamu akan dibawa untuk melihat punca mata air yang cukup indah dan menawan pandangan iaitu **Buna River Spring** di Blagaj dan di tebingnya terletak sebuah sekolah ahli sufi **Dervish Tekke**. Bertolak menuju ke **Mostar** untuk makan malam dan daftar masuk hotel.

HARI 8
MOSTAR - SARAJEVO 

Selepas sarapan pagi, tetamu akan dibawa melawat sekitar **Mostar** yang cukup indah dengan tarikan-tarikan seperti **Old Bridge Stari Most** yang merupakan ikon pelancongan kepada perkampungan dan negara ini, **Tara dan Halebija Towers** yang mengapit jambatan tersebut, **Karadz Bey Mosque** yang dibina pada 1554 oleh arkitek Mimar Sinan merupakan antara masjid yang tercantik di negara ini, **Koski Mehmed Pasha Mosque** yang dibina pada 1618 dan **Turkish Hammam** yang wujud sejak abad ke-16 lagi sejak zaman pemerintahan Uthmaniyyah. Tetamu akan diberi masa bebas untuk membeli-belah di **Kujundziluk Old Bazaar** yang mana menjual pelbagai jenis barangan buatan tempatan dan cenderamata. Makan tengahari dan bertolak menuju ke **Sarajevo**. Setibanya di sana, kemudian tetamu akan dibawa melawat **Tunnel of Hope** iaitu sebuah rumah yang terdapat di dalamnya terowong keluar masuk rakyat Bosnia dari kepungan tentera Serbia ke atas bandar Sarajevo bagi mendapatkan bekalan makanan dan ubatan ketika Perang Bosnia. Daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 9
SARAJEVO 

Sarapan pagi di hotel. Kemudian bertolak menuju ke taman **Vrelo Bosne** yang sungguh cantik dengan pokok-pokok yang ditanam sepanjang Bosna River yang mengalir di dalam taman ini. Pasti banyak foto-foto menarik yang dapat anda rakamkan di sini. Seterusnya tetamu akan dibawa ke kawasan **Bascarsija** atau Old Town Bazaar di tengah bandar Sarajevo untuk membeli-belah barangan cenderamata sambil berfoto di **Sebilij** iaitu sebuah monumen kayu yang dibina pada tahun 1753, bersolat di **Gazi Husrev-bey Mosque** yang merupakan masjid yang terbesar di negara ini dibina pada tahun 1530 di zaman Uthmaniyyah, **Sahat Kula** iaitu sebuah menara jam yang dibina seawal abad ke-17, **Sacred Heart Cathedral** yang cukup terkenal kerana binaannya dan di hadapannya terletak salah satu tapak **Sarajevo Roses**, nama yang diberi kepada kesan letupan bom mortar ketika Perang Bosnia yang disimen semula dengan warna merah dan juga berfoto di City Hall yang juga dipanggil **Vijecnica**. Tidak ketinggalan juga lawatan ke sebuah muzium yang menempatkan bukti-bukti kekejaman tentera Serbia ke atas rakyat Bosnia ketika zaman Perang Bosnia dulu iaitu **Srebrenica Memorial Gallery**. Sebahagian besar pameran muzium ini berkisar tentang tragedi Srebrenica Massacre di mana terjadinya pembunuhan lebih 8,000 orang penduduk Bosnia oleh tentera Serbia dalam satu-satu masa di sebuah penempatan yang sepatutnya dikawal ketat oleh tentera PBB dari Belanda. Tetamu akan dapat menyusuri kekejaman dan meninjau keperitan yang dialami oleh mereka menerusi foto, visual dan artifak yang diabdikan di sini. Pulang ke hotel dan makan malam.

HARI 10
SARAJEVO - AHMICI - TRAVNIK - JAJCE - BIHAC 

Bertolak menuju ke perkampungan **Ahmici** selepas sarapan pagi di hotel untuk melawat **116 Monument** di mana perkampungan ini telah diserang oleh tentera Croatia dan membunuh seramai 116 orang. Presiden Croatia sendiri pernah melawat ke monumen ini sebagai tanda kekesalan mereka. Bertolak menuju ke **Travnik** yang merupakan salah satu kota terpenting zaman Uthmaniyyah dan setibanya di sana, tetamu akan dibawa berfoto di **Plava Voda Springs** atau Blue Water yang mengalir keluar dari Vlasic Mountain. Berdekatan dengan kawasan ini terletaknya **Elici-Ibrahim Pasina Medresa**, sebuah sekolah zaman Uthmaniyyah yang dibina pada tahun 1706 sambil juga menziarahi **Sarena Mosque** yang dikatakan antara yang tercantik di Balkans dengan ukiran dan lukisan dinding yang berwarna-warni. Bergerak menuju ke **Jajce** yang terkenal dengan pemandangan indah semulajadi **Pliva Waterfalls** yang setinggi 27m. Makan tengahari di tepi **Great Pliva Lake** sebelum berfoto di **Watermills Open Air Museum** yang cukup unik dengan binaan 20 rumah kecil air di atas Pliva River. Bersolat di **Esma Sultanija Mosque** yang dibina pada tahun 1753 sebelum bertolak menuju ke **Bihać**. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

HARI 11
BIHAC - PLITVICE LAKES - ZAGREB 

Sarapan pagi di hotel dan bertolak memasuki negara Croatia untuk menikmati keindahan alam semulajadi di **Plitvice Lakes National Park** setanding dengan gelaran yang diberi padanya iaitu Syurga Dunia. Kawasan taman negara ini cukup indah dengan panorama memukau air terjun dan tasiknya di mana tetamu boleh menyusuri tiiti kayu yang dibina di sepanjang tasik ini, malahan boleh meraih pengalaman menaiki bot persiaran menyusuri tasik. Bertolak menuju ke kota Zagreb dan setibanya di sana, makan tengahari dan bersolat di **Zagreb Mosque** yang dibina pada tahun 1987 atas derma dari Sultan Sharjah, salah seorang Emir di UAE. Seterusnya tetamu akan dibawa daftar masuk hotel dan makan malam di restoran.


HARI 12
ZAGREB - DOHA 

Melawat sekitar kota **Zagreb** selepas sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa melawat ke **Cathedral of St. Stephen** pada Kaptol adalah sebuah institusi Katolik Roman dan bukan sahaja bangunan tertinggi di Croatia tetapi juga bangunan suci yang paling monumental dalam gaya Gothic tenggara Alps. Ia didedikasikan untuk Asumsi Mary dan kepada raja-raja Saint Stephen dan Saint Ladislaus. Seterusnya melawat ke **Dolac Market**, adalah pasar petani yang terletak di Gornji Grad - Medveščak, kota Zagreb, Croatia. Dolac adalah pasar petani paling terkenal dan paling terkenal di Zagreb dan melawat ke **The Stone Gate**, adalah salah satu mercu tanda yang lebih penting dari Bandar Utama Zagreb. Ia dibina pada abad ke-13, dan mendapat penampilannya sekarang pada abad ke-18. Kemudian, tetamu akan melawat ke **Mark's Square**, atau Piazza San Marco, yang sering dikenali dalam Bahasa Inggeris sebagai St Mark's Square, merupakan dataran utama Venice, Itali, di mana ia umumnya dikenali sebagai la Piazza. Semua ruang bandar lain di bandar dipanggil campi. Seterusnya, tetamu akan melawat ke **Museum of Naive Art**, adalah muzium seni halus di Zagreb, Croatia yang didedikasikan untuk karya seniman naif abad ke-20 dan kemudian ke **Ban Jelacic Square** dan **Zagreb City Skale Model**. Selepas itu, melawat ke **Strossmayer Promenade**. Kemudian bertolak ke Lapangan Terbang Zagreb bagi penerbangan pulang ke Kuala Lumpur melalui Doha.


HARI 13
DOHA - KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



25 Ogos 2019 

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 9,890	RM 10,790	RM 8,890	RM 8,090	RM 7,390
Warga Emas	RM 9,790	RM 10,690			
FIESTA	RM 8,990	RM 9,890	RM 7,990	RM 7,190	RM 6,490
Warga Emas	RM 8,890	RM 9,790			

24 Nov 2019 

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 9,890	RM 10,790	RM 8,890	RM 8,090	RM 7,390
Warga Emas	RM 9,790	RM 10,690			
FIESTA	RM 8,990	RM 9,890	RM 7,990	RM 7,190	RM 6,490
Warga Emas	RM 8,890	RM 9,790			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	QR 853	K. LUMPUR - DOHA	0255	0455
01	QR 203	DOHA - ATHENS	0715	1145
12	QR 218	ZAGREB - DOHA	1840	0100+1
13	QR 848	DOHA - K. LUMPUR	0250	1515

Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Elaun bagasi (check in) 30kg sehalah dan bagasi kabin 7kg.
- Hotel penginapan bertaraf 4* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Cukai bandar (city tax) di Athens, Dubrovnik dan Zagreb.
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sesuai Muslim sepanjang lawatan.
- Percula bot persiaran Ohrid Lake Cruise yang bernilai EUR30 seorang.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Acropolis of Athens, Tunnel of Hope, Srebrenica Memorial Gallery, Plitvice Lakes National Park, Blagaj Vrelo Bosne dan Travnik.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman sepanjang lawatan.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percula edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.

Pakej Tidak Termasuk

- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi kelebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.